

Notis Privasi

Data peribadi yang anda sediakan dalam borang ini (“**Data Peribadi**”) akan diproses untuk tujuan memproses permohonan/cadangan insurans, penyediaan produk atau perkhidmatan berkaitan insurans atau sebarang penambahan, pindaan, perubahan, pembatalan, pembaharuan dan penyambungan, pelaksanaan penyelidikan statistik/aktuari atau kajian data, promosi produk dan perkhidmatan dan untuk tujuan lain yang berkaitan (secara bersama, “**Tujuan**”).

Walaupun anda tidak diwajibkan untuk memberi kami Data Peribadi anda, kami tidak dapat memproses permohonan anda untuk perlindungan insurans atau memproses tuntutan jika anda tidak memberikan semua maklumat yang diminta.

Data Peribadi Anda mungkin didedahkan kepada mana-mana syarikat berkaitan atau mana-mana syarikat lain yang menjalankan perniagaan berkaitan insurans semula atau syarikat perantara atau tuntutan atau penyiasatan atau penyedia perkhidmatan lain dan kepada mana-mana persatuan, persekutuan atau organisasi syarikat insurans serupa yang wujud atau yang ditubuhkan dari masa ke masa untuk Tujuan tersebut atau untuk memenuhi fungsi perundangan atau peraturan atau diperlukan dengan sewajarnya demi kepentingan industri insurans.

Kami juga mungkin mendedahkan Data Peribadi anda apabila pendedahan sedemikian diperlukan di bawah undang-undang, atas arahan mahkamah atau menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau pihak berkuasa lain, jika kami percaya bahawa kami mempunyai hak di bawah undang-undang untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga atau mungkin akan mendapatkan persetujuan bagi pendedahan tersebut jika anda mengetahui tentangnya, dan/atau jika pendedahan adalah berdasarkan kepentingan umum.

Anda dimaklumkan bahawa Data Peribadi anda juga boleh dipindahkan kepada mana-mana syarikat berkaitan kami yang mungkin terletak di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut. Sekiranya kami menggunakan penyedia perkhidmatan luar, langkah keselamatan dan kerahsiaan tertentu diambil untuk memastikan hak kerahsiaan anda tidak terjejas.

Anda boleh membuat pertanyaan, aduan atau permintaan untuk mendapatkan atau membetulkan Data Peribadi anda atau mengehadkan pemprosesan Data Peribadi pada bila-bila masa selepas itu dengan mengemukakan permintaan tersebut menerusi e mel kami customerservice@pacificinsurance.com.my

Kami yakin bahawa anda akan memberikan kebenaran dan bersetuju dengan terma di atas berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda. [Jika kami tidak menerima sebarang jawapan daripada anda mengenai perkara di atas, kami mengandaikan bahawa anda bersetuju dengannya.]

PERAKUAN DAN PERSETUJUAN

Saya telah membaca dan memahami terma dan syarat Notis Privasi ini dan bersetuju membenarkan pemprosesan maklumat Data Peribadi saya seperti yang dinyatakan di atas.

.....
Tandatangan

Nama Penuh:

Tarikh:

No. Kad Pengenalan: